

Zii Jia, Aaron-Wooi Yik  
perlu bangkit mengaum

**Kuala Lumpur:** Tiga kejohanan berturut-turut, termasuk Terbuka Malaysia dan Masters Malaysia menjadi fokus seterusnya buat jaguh perseorangan profesional negara, Lee Zii Jia selepas tersingkir pada separuh akhir Terbuka Indonesia di Jakarta, kelmarin.

Zii Jia yang tewas di tangan pemain ranking pertama dunia dari Denmark, Viktor Axelsen 21-19, 11-21, 23-21 berkata, walaupun merumuskan penyertaannya di Masters Indonesia dan Terbuka Indonesia sebagai tidak begitu teruk, baginya dia harus pantas mempersiapkan diri bagi menghadapi kejohanan akan datang.

“Tidak begitu teruk kerana saya berada di suku akhir (Masters Indonesia) dan di separuh akhir (Terbuka Indonesia).

“Ada tiga lagi kejohanan berturut-turut selepas ini dan saya perlu mempersiapkan diri,” kata Zii Jia.

Pada perlawanan menentang Axelsen di Stadium Istora Senayan, Zii Jia terpaksa akur dengan kekuatan lawannya itu meskipun sudah memberikan saingan cukup sengit dalam perlawanan yang berlangsung selama 1 jam 10 minit itu.

“Saya fikir Axelsen berada dalam prestasi terbaiknya dan hampir semua pemain tidak boleh menewaskannya ketika ini. Saya meletakkan usaha dan fokus dalam perlawanan. Apapun, saya fikir, saya masih bermain dengan baik hanya beberapa perkara perlu diusahakan dan diperbaiki.

“Dari sudut mentaliti, dia bersedia sedia sepenuhnya dan mentaliti dia begitu kukuh ketika ini. Dia mempunyai fokus 100 peratus dalam gelanggang dan disebabkan itu ramai lawan yang tidak boleh menewaskannya,” katanya.

Zii Jia dijadual menyertai Ter-

*Aksi Zii Jia ketika bertemu Viktor Axelsen pada Terbuka Indonesia di Jakarta, kelmarin.* (Foto EPA)

*Aaron-Wooi Yik terkandas pada aksi separuh akhir Terbuka Indonesia, kelmarin.* (Foto EPA)

*Berita Harian (20/6/2022) page 48*



buka Malaysia 2022 dari 28 Jun hingga 3 Julai ini dengan pilihan kelima kejohanan itu bakal bertemu Toma Junior Popov dari Perancis pada pusingan pertama.

Pemain dari Alor Setar berusia 24 tahun itu, kemudian dijadual menyertai Masters Malaysia yang bakal berlangsung dari 5 hingga 10 Julai ini.

Dalam pada itu, beregu utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang sedang memburu kejuaraan pertama musim ini, turut tewas pada aksi separuh akhir Terbuka Indonesia di tangan pasangan China, Liu Yu Chen-Ou Xuan Yi 18-21, 13-21.

Ia adalah pertemuan pertama antara mereka dan bagi Aaron, prestasinya di gelanggang separuh akhir di Stadium Istora Senayan itu disifatkan sebagai satu permainan yang berada di luar jangkaannya.

“Satu perlawanan yang buruk bagi saya. Apabila memasuki gelanggang banyak kesilapan dilakukan. Saya cuba bertenang tetapi setiap kali memasuki separuh akhir, saya seakan lebih terburu-buru dalam gelanggang dan ia menyebabkan banyak kesilapan dilakukan,” kata Aaron.

Pada musim ini, pencapaian terbaik Aaron-Wooi Yik adalah menyertai pentas final Kejohanan Badminton Asia di Filipina pada Mei lalu, namun tewas di tangan pasangan Indonesia, Pramudya Kusumawardana-Yeremia Erich Yoche Jacob Rambitan 21-23, 10-21.

Bagi saingan Terbuka Malaysia, Aaron-Wooi Yik tekad menjelmakan sesuatu yang boleh membuatkan peminat mereka tersenyum lebar, apatah lagi sudah dua tahun kejohanan ini tidak dipertandingkan susulan penularan pandemik COVID-19.

“Sudah lama tidak bermain di (Terbuka) Malaysia, kira-kira dua tahun dan saya sangat teruja. Namun, pada masa sama, saya tidak mahu mengecewakan peminat di Malaysia dan akan la-